

Sumbangan Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani Terhadap Ilmu Tajwid Melalui Kitab *Siraj al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*

BITARA

Volume 5, Issue 1, 2022: 1-9
 © The Author(s) 2022
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 12 December 2021
 Accepted: 28 December 2021
 Published: 14 January 2022

[Contribution of Sheikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani Towards 'Ilm Tajweed Through the Book of *Siraj al-Qari pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*]

Muhammad Hana Pizi Abdullah,¹ Adel M Abdulaziz al-Geriani,^{2*} Abdul Latiff Abu Bakar¹

1 Universiti Islam Malaysia (UIM), Bangunan Khadijah, PT1, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, 46350 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA. e-mail: mhanapizi@e-maik.my; latiff.ab@uim.edu.my

2 Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

* Corresponding Author: adelmaziz@unisza.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana sumbangan Syeikh Muhammad bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani melalui kitabnya *Sirāj Al-Qārī Pada Membicarakan Hukum Tajwīd Kalām Allah al-Bārī* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) terhadap Ilmu Tajwid khususnya di Nusantara. Masyarakat hari ini sangat mengenali tokoh-tokoh baharu dan hasil penulisan mereka, namun sumbangan dan penulisan para ulama dahulu sebagai pencetus kepada fenomena tersebut kurang diberi pendedahan kepada masyarakat. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah Analisis Data Perpustakaan. Kajian ini membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani telah memberikan sumbangan yang sangat besar melalui kitabnya *Sirāj Al-Qārī Pada Membicarakan Hukum Tajwīd Kalām Allah al-Bārī* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) terhadap Ilmu Tajwid khususnya di Nusantara.

Kata kunci: Ilmu Tajwid, Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*.

Abstract

This paper aims to investigate the contribution of Sheikh Muhammad ibn Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani through his book *Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) on the Ilmu Tajwid in particular. Our society is very familiar with the new figures and their writings, however the contributions and writings of the scholars in the past as a trigger to the phenomenon are given less exposure to society. This study is a qualitative study that applies the method of Library Data Analysis. It proves that this book is a book of Ilmu Tajwid in Malay language and has become a text of study and reference in the science of Tajwid in the archipelago and continues to be printed until today which has passed a period of 100 years. In conclusion, Sheikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani has made a significant contribution through his book *Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) to the Ilmu Tajweed in particular.

Keywords: Ilmu Tajwid, Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al Fatani, *Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*

Cite This Article:

Muhammad Hana Pizi Abdullah, Adel M Abdulaziz al-Geriani & Abdul Latiff Abu Bakar. 2022. Sumbangan Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani terhadap ilmu tajwid melalui kitab *Siraj al-Qari pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* [Contribution of Sheikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani towards 'Ilm tajweed through the book of *Siraj al-Qari pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 1-9.

Pengenalan

Penulisan Ilmu Tajwid telah bermula sejak awal lagi iaitu sebelum kurun keempat hijrah. Menurut Dr Khairul Anuar Mohamad dan Ustaz Abu Iskandar (2021) penulisan Ilmu Tajwid yang terawal ialah *Risalah fi Idgham al-Kabir* (رسالة في إدغام الكبير) yang telah ditulis oleh Abu 'Amru Ibn al-Ala' al-Basri dan diikuti dengan penulisan berkaitan *Tilawah al-Qur'an* (رسالة تلاوة القرآن) oleh Imam Qalun al-Madani.

Pada awal penulisan, Ilmu Tajwid bercampur dengan ilmu-ilmu lain. Sebelum itu, kaedah belajar Ilmu Tajwid adalah secara *musyafahah* iaitu pelajar mendengar dan mengambil dari gurunya secara berulang kali sehingga menguasai dan mengingat cara-cara bacaannya dan hukumnya. (Dr Khairul Anuar Mohamad et al, 2021)

Menurut Fiqih Kurniawan (2019), di Nusantara, al-Quran diajar dan dipelajari bersama dengan kedatangan Islam yang dibawa oleh para pendakwah. Menurut Inayatul Mustautina dan Ali Mursyid (2018) pada masa awal kedatangan Islam di Nusantara ini, Tajwid diajarkan secara lisan. Selepas itu, Tajwid diajarkan pula menggunakan kitab-kitab ulama Timur Tengah dan akhirnya Tajwid diajarkan menggunakan kitab-kitab karya ulama Melayu.

Kajian ini akan memfokuskan kepada penulisan salah satu kitab Tajwid yang awal di alam Melayu oleh salah seorang ulama Melayu iaitu *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى في تجويد كلام الله البارى) sebagai satu sumbangan besar oleh Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani terhadap Ilmu Tajwid.

Permasalahan Kajian

Dewasa ini, perkembangan penulisan dalam bidang Ilmu Tajwid al-Quran adalah sangat baik. Ini terbukti dengan kemunculan banyak penulisan yang baharu oleh para penulis. Perkembangan ini seiring dengan minat masyarakat terhadap bacaan al-Quran yang dilihat sangat memberangsangkan. Sebenarnya penulisan dalam Ilmu Tajwid di alam Melayu telah bermula semenjak tahun 1779 Masihi iaitu kitab ilmu Tajwid pertama di alam Melayu yang berjudul *Mir'at al-Qur'an fi Ma'rifat al-'ahkam al-Tajwid al-Malik al-Wahhab* (مرآة القرآن في معرفة الأحكام التجويد الملك الوهاب) yang telah dihasilkan oleh Syeikh Abdul Mu'ti bin Muhammad Salih (Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A. Adi dan Mohd Safee Salihin Hasan, 2017 dan Mohd Asmadi Yakob, Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Syuhaida Idha binti Abd Rahim, 2014).

Selain daripada penulisan-penulisan yang dihasilkan oleh para penulis hari ini, masyarakat juga perlu didedahkan dengan sumbernya yang awal. Jadi *Kitab Siraj Al-Qari Pada*

Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) pula adalah antara rujukan dan penulisan di dalam ilmu Tajwid di alam Melayu yang awal.

Menurut Ali Mursyid (2019) kajian tentang Ilmu Tajwid di Nusantara adalah sangat sedikit. Pemerhatian yang dibuat mendapati, tidak banyak kajian yang dibuat berkaitan terhadap *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) sebagai satu sumbangan besar oleh ulamak Melayu terhadap perkembangan Ilmu Tajwid di alam Melayu.

Kepentingan Kajian

Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) adalah merupakan salah satu kitab Tajwid yang utama di alam Melayu darisegi penggunaannya sebagai teks pengajian dan rujukan dalam Ilmu Tajwid.

Menurut Ahmad Fathi al-Fatani (2003) *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) masih lagi digunakan dan dipelajari serta dicetak dan dijual di kedai-kedai buku sehingga ke hari ini.

Oleh itu, *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) dan pengarangnya perlu diketengahkan kepada masyarakat kerana ia merupakan salah satu sumbangan besar pengarang ini kepada Ilmu Tajwid khususnya di Nusantara ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah Analisis Data Perpustakaan. Metodologi ini merupakan satu teknik untuk mengetahui sesebuah bahan atau penulisan yang dikaji. Dalam kajian ini, ia digunakan untuk mendalami *Kitab Siraj al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) yang merupakan karya asli Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani sebagai satu sumbangan terhadap Ilmu Tajwid.

Langkah yang akan diambil ialah mengumpul dan meneliti tajuk-tajuk perbahasan dan isi kandungan kitab ini dan dianalisis. Melalui analisis ini, akan dapat difahami isi dan perbahasannya serta kedudukannya di dalam Ilmu Tajwid sebagai satu sumbangan pengarang terhadap Ilmu Tajwid.

Biodata Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani

Nama dan Keturunan

Nama beliau ialah Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani. Beliau adalah anak kepada ulama tersohor iaitu Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad yang bergelar Tuan Minal. (Faizuri bin Abd Latif, 2015). Menurut Ahmad Fathy al-Fatani (1430-

2009) Tuan Minal ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar. Menurut Awae Maeh-Ouma dan Abdullah Karina (2017) nama ibunya tidak dapat dipastikan dan daripada isteri Tuan Minal yang mana. Sebagaimana ayahnya Tuan Minal, riwayat hidup Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani tidak banyak diketahui seperti tarikh lahirnya, tarikh keberangkatannya untuk menyambung pengajiannya ke Mekah, para gurunya samada di Patani atau pun guru-gurunya di Mekah. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013). Menurut Mansor bin Mohd Dahalan (2011) Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani adalah salah seorang daripada dua orang anak tuan Minal yang mengikuti jejak langkah ayahnya sebagai penulis. Tokoh ini telah meninggal dunia di usia muda iaitu dalam lingkungan umur awal 40 an iaitu pada tarikh 10 Julai 1892 bersamaan 15 Zulhijjah 1309 di Mekah al-Mukarramah. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013). Tidak terdapat maklumat yang lengkap berkaitan anak-anak beliau. Hanya seorang anak beliau yang diketahui bernama Muhammad. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013)

Pendidikan

Menurut Ahmad Fathy al-Fatani (2013), Tidak terdapat maklumat yang banyak tentang sejarah pendidikan tokoh ini samada sebelum melanjutkan pengajiannya ke Mekah atau semasa berada di sana. Namun, yang pasti beliau telah mendapat pendidikan dari ayahnya terlebih dahulu sebelum menyambung pengajiannya di Mekah. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013)

Sumbangan

Antara sumbangan besar Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani ialah menghasilkan karangan-karangan dalam ilmu Tajwid iaitu:

- i. *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى). Kitab ini telah pertama kali dicetak oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 20 Rabiul Akhir 1131H bersamaan 30 Oktober 1893 M (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013)
- ii. Risalah Yang kecil Pada Bicara Ilmu Tajwid al-Quran. Kitab ini adalah ringkasan daripada edisi pertama *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) yang dicetak oleh percetakan yang sama. Cetakan kedua edisi ini pada tahun 1324H bersamaan tahun 1907M. (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013)

Kitab Siraj al-Qari pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى)

Pengenalan Kitab

Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) ini telah pertama kali dicetak oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 20 Rabiul Akhir 1131H bersamaan 30 Oktober 1893 M (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013). Menurut Ahmad Fathy al-Fatani, (2013) lagi, cetakan pertama kitab ini telah diusahakan atas tanggungan Syeikh Abdul Rahman Gudang bin Muhammad Ali bin Ismail al-Fatani. Berdasarkan cetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى)* mengandungi 71 halaman. Berdasarkan pemerhatian juga, didapati *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى)* dicetak beberapa kali oleh pelbagai percetakan antaranya cetakan kali pertama dicetak oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah. Terdapat juga cetakan oleh Matba'ah bin Halabi, Fatani dan terakhir dicetak oleh Jabal Maraqy Sdn. Bhd. Kota Bharu.

Jenis Penulisan

Berkaitan jenis penulisan, penulis sendiri telah menjelaskan dengan katanya “hatiku yang lemah dan akalku yang pendek telah bergelora mendesak supaya aku mengumpulkan daripada beberapa buah kitab yang muktabar. Maka aku pungut beberapa mutiaranya dan aku buang kulitnya supaya orang gemar menuntutnya, dan aku terjemahkannya kepada bahasa kami” (Syeikh Muhammad Saleh bin zainal Abidin, 2016) menunjukkan bahawa ia adalah sebuah karya terjemahan.

Namun apabila diteliti, yang dimaksudkannya ialah penulisan ini bersumberkan kepada beberapa kitab yang muktabar yang telah dirujuk oleh penulis dan dihimpunkan di dalam kitab ini. Oleh itu, berdasarkan pembahagian jenis manuskrip Melayu iaitu karya asli, terjemahan dan matan atau syair (Amer Hudhaifah Hamzah (2017), maka kitab ini sebenarnya bukanlah sebuah karya terjemahan tetapi ia adalah karya asli oleh Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani.

Metodologi Penulisan

Berdasarkan *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى)* cetakan Matba'ah bin Halabi, Fatani, tanpa tahun, didapati pengarang telah menggunakan berapa metodologi penulisan semasa menghasilkan kitab ini. Antara metodologi yang digunakan ialah:

- a. Pengarang telah menghasilkan kitab ini dengan menggunakan bahasa Melayu Fatani
- b. Pengarang menggunakan “Bab” dalam menentukan pembahagian perbincangan perkara-perkara utama seperti *Bab Isti’azah*, *Bab Basmalah*, *Bab Hukum Mad* dan lain-lain. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- c. Pengarang menggunakan perkataan “Fasal” apabila membincangkan sub topik kepada “Bab” seperti Fasal Mad Muttasil dan Munfasil iaitu perbincangan di bawah Bab Hukum Mad. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- d. Pengarang juga menggunakan perkataan “Faedah” pada sebahagian perbincangan untuk maklumat tambahan seperti “Faedah- telah berkata Syekh Sulaiman pada Futūhat al-‘Ilahiyyah naqal daripada ‘Iz Ibn Jama’ah adalah lafaz ﻻ di dalam al-Quran pada nisf yang kedua jua”. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- e. “*Tatimmah*” juga digunakan untuk huraian tambahan yang menyempurnakan sesuatu perbincangan seperti “*Tatimmah*- telah berkata Mulla Ali al-Qari pada syarahnya: ketahui olehmu bahawasanya firaq antara Mad Lazim dan Mad Wajib itu istilahi jua”. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- f. “*Tanbih*” juga telah digunakan bagi memberikan peringatan atau penekanan sesuatu yang penting seperti
- g. “*Muhimmah*” digunakan untuk menyatakan sesuatu yang penting seperti “*Muhimmah*- dan tersebut pada syarah *Syafiyyah* bermula memula dengan memberi baris itu *dharōri* dan waqaf dengan *sakin* itu *Istihsanī*”. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- h. Perkataan “*Wallahu ‘A’lam*” dan “*Intaha*” telah digunakan bagi menutup sesuatu penerangan atau perbincangan seperti “..dan diberi pahala bagi orang yang mengerjakan dia *Wallahu ‘A’lam*” dan “..kerana mengikut khat *Intaha*” (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- i. Semasa memulakan sesuatu bab, pengarang akan menggunakan kalimah-kalimah “ini suatu bab pada menyatakan” seperti “ini suatu bab pada menyatakan segala Makhraj Huruf dan sifatnya”. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- j. Pengarang juga menggunakan pendekatan jadual dan gambarajah semasa menghurai beberapa bab tertentu seperti gambarajah yang menerangkan sifat huruf bagi setiap huruf Hija’iyyah. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- k. Di dalam setiap perbincangan bab, pengarang akan memulakan dengan menyebut nama bab dan diikuti dengan maknanya seperti “ini suatu bab pada menyatakan *waqf* dan *ibtida’* dan makna *waqf* itu ibarat daripada memutuskan suara atas kalimah yang *wad’i* akan masa yang lulus bernafas padanya pada *ghalib*” (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- l. Setiap bab akan dihuraikan secara terperinci perkara-perkara penting termasuklah perselisihan-perselisihan di kalangan ulama pada perkara-perkara tertentu seperti perselisihan ulama tentang bacaan dengung pada huruf *Nōn* yang mati apabila diikuti oleh huruf *Lam* dan *Ra’* (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- m. Setiap bab juga akan diberikan contoh-contoh daripada ayat atau kalimah al-Quran seperti contoh Mad Wajib Muttasil “سوء، جيء”. (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)

- n. Bagi memperkuat dan memperkukuhkan hujah, pengarang juga kadang-kadang membawakan dalil daripada nazam atau matan Imam Ibn al-Jazari seperti *وليس في القرآن من وقف وجب ولا حرام غير ماله سبب* (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)
- o. Perkataan “*furu*” juga digunakan untuk membincangkan isu-isu cabang seperti ketika membincangkan hukum mengelokkan suara bacaan al-Quran “*furu*”- sunat mengelokkan suara dengan membaca al-Quran” (Syekh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin, 2016)

Senarai Bab

Penelitian terhadap semua perbincangan di dalam Kitab *Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) didapati pengarang telah membincangkan tajuk-tajuk berikut: Pendahuluan, Muqaddimah, Bab Isti’azah, Bab Basmalah, Bab Hukum Nun Yang Mati, Fasal Mim Yang Mati, Mim dan Nun Yang Bersabdu, Fasal Idgham Mislain, Fasal Idgham Mutaqaribain, Idgham Mutaqaribain atau Mutajanisain Di Dalam al-Quran, Bab Lam al-Ta’rif, Fasal Tafkhim dan Tarqiq Ra’, Fasal Tarqiq dan Tafkhim Lam, Bab Makhraj Huruf dan Sifatnya, Fasal Sifat-sifat Huruf, Pembahagian Sifat Huruf, Pembahagian Huruf dan Sifat-sifatnya, Bab Hukum Mad, Fasal Mad Muttasil dan Munfasil, Fasal Mad Lazim, Fasal Mad Arid, Mad Lin, Ha’ Ganti Nama, Bab Waqaf dan Ibtida’, Fasal Bahagian-bahagian Waqaf, Cara Waqaf di Akhir Kalimah dan Pada Yang Bersabdu, Bahagian Lafaz Kalla (كلا), Waqaf Jibril, Fasal Pada Bahagian Ibtida’, Fasal Hamzah Wasal dan Qata’, Bab Penulisan Quran (Rasm), Faedah- Lima, Adat Khatam al-Quran, Kepelbagaian Adab Khatam al-Quran, Penutup, Adab Berdoa dan Doa Khatam al-Quran

Rumusan Perbincangan Bab

Berdasarkan tajuk-tajuk dan topik perbincangan di dalam *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى), maka dapat disimpulkan bahawa kitab ini telah membincangkan tajuk-tajuk yang utama dan penting di dalam Ilmu Tajwid.

Ia bukan sekadar sebuah kitab yang asas dalam Ilmu Tajwid tetapi ia merupakan sebuah perbincangan yang mendalam dan meluas di dalam Ilmu Tajwid yang meliputi makna sesuatu tajuk, perbahasan ulama, persepakatan dan perselisihan di kalangan ulama di dalam sesuatu permasalahan, hukum dan cara bacaan serta contoh-contoh dari al-Quran al-Karim.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian dan analisis terhadap perbincangan di dalam *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) maka dapat disimpulkan bahawa kitab ini adalah sebuah kitab Ilmu Tajwid dalam bahasa Melayu yang mendalam. *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari* (سراج القارى فى تجويد كلام الله البارى) ini mempunyai kedudukannya yang tersendiri dan telah menjadi teks pengajian dan rujukan dalam Ilmu Tajwid di Nusantara ini. Bermula dari

cetakkannya yang pertama oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 20 Rabiul Akhir 1131H bersamaan 30 Oktober 1893 M (Ahmad Fathy al-Fatani, 2013) dan terus dicetak oleh pelbagai cetakan sehingga pada hari yang telah melewati tempoh 100 tahun membuktikan bahawa ia telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan Ilmu Tajwid di Nusantara. Kesimpulan daripada kajian ini ialah Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad Al-Fatani telah memberikan sumbangan yang sangat besar melalui kitabnya Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari (سراج القارى فى تجويد كلام الله) terhadap Ilmu Tajwid khususnya di Nusantara.

Rujukan

- Ahmad Fathy Al-Fatani. 1430-2009. *Ulama' Besar dari Patani, cetakan pertama* (edisi kedua). Kota Bharu Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. (2013). *Ulama' Besar dari Patani, cetakan pertama* (edisi kedua Rumi). Kota Bharu Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ahmad Fathy al-Fatani (1999) *Beberapa Catatan Tentang Tuan Minal, Pengasuh bil. 557*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu
- Ali Mursyid (2019) *Tajwid di Nusantara, Kajian Sejarah, Tokoh dan Literatur*, Jakarta: al-Furqania
- Amer Hudhaifah Hamzah (2017) *Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea*, Bangi:UKM Press
- Awae Maeh-Ouma & Abdullah Yusuf Karina (2017), *Sumbangan Syeikh Tuan Minal Dalam Kariatif Tamadun Islam Terhadap Masyarakat Islam Di Selatan Thailand*, al-Nur July-December 2017, Patani: Fatoni University
- Faizuri Abd Latif (2015), *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Karya Akidah Ulamak Melayu: Tinjauan Syeikh Zainal Abidin al-Fatani*, Kuala Lumpur: Seminar Serantau Sumbangan Ulama Asha'irah dan Maturidiyyah Dalam Pemantapan Aqidah Islamiyyah
- Fiqih Kurniawan (2019) *Lokalitas Ilmu Tajwid Dalam Risalah Mifta>H} Al-Lisa>N Karya K.H. Abdul Djamil Nawawi*, Cirebon: Jurnal Studi al-Qur'an dan al-Hadis
- Inayatul Mustautina & Ali Mursyid (2018) *Sejarah Ilmu Tajwid Al-Qur'an di Nusantara (Kajian Terhadap Kitab-Kitab Tajwid Al-Qur'an di Nusantara)* Jakarta: Institut Ilmu Al Quran (IIQ)
- Khairul Anuar Mohamad & Abu Iskandar (2021) *Panduan Lengkap Ilmu Tajwid al-Quran al-Karim Riwayat Hafs Daripada Qiraat 'Asim Melalui Toriq al-Syatibiyyah*, Selangor: Abad Sinergi Sdn Bhd
- Mansor Md Dahalan (2011) *Konsep Ketuhanan Kitab Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (Tuan Minal) Dan Pengaruhnya Terhadap Pemantapan Tauhid Uluhiyyah*, Riau:UIAN Syarif Kasim.
- Mohd Asmadi Yakob Mohd Ashrof Zaki Yaakob & Syuhaida Idha Abd Rahim (2014) *Manuskrip Al-Qur'an Dan Ilmu-Ilmunya (Ulum Al-Qur'an) Di Alam Melayu : Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid*, Kuala Lumpur:Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014

- Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A. Adi & Mohd Safee Salihin Hasan, (2017) *Data-data Tokoh Ulama Tajwid Tersohor Di Alam Melayu* , Selangor: Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)
- Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t) *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, Fatani: Matba'ah bin Halabi
- Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (2016) *Kitab Siraj Al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, Kota Bharu: Jabal Maraqy Sdn Bhd